



ANGGOTA bomba Skudai membantu penduduk Kampung Laut Batu 10, Skudai, berpindah selepas banjir melanda.

Anjur pertemuan

Johor Bahru: Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar bersama Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah sentiasa mengikuti secara dekat perkembangan terkini banjir di negeri ini.

Dalam entri terbaru laman sosial Facebook (fb) Baginda Sultan Johor bersama Permaisuri Johor akan mengadakan pertemuan serta mesyuarat bersama wakil kerajaan negeri, polis dan pasukan bomba.

Ini bagi membolehkan Sultan Ibrahim dan Permaisuri Johor membuat lawatan ke pusat pemindahan mangsa banjir dengan segera, bermula hari ini mengikut nasihat pegawai kerajaan negeri, polis dan bomba.

Pemangku Raja, Tunku Mahkota Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che' Puan Khaleeda Bustamam akan turut mengadakan mesyuarat berasingan bagi tujuan sama.

Pastikan pembukaan sekolah lancar

Kluang: Kementerian Pendidikan bersiap sedia memastikan sesi pembukaan persekolahan bulan hadapan tidak terjejas dengan bencana banjir.


Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik berkata, kementeriaannya mempunyai prosedur operasi standard (SOP) dalam menghadapi situasi itu jika banjir berlarutan sehingga Januari.

"Pejabat Pendidikan Daerah memiliki SOP mereka sendiri dalam menghadapi banjir. Mereka bersiap siaga setiap tahun. Sekiranya terjadi, kita akan ikut SOP biasa," katanya pada program Kembali ke Sekolah dan pelancaran Telefon Awam Baharu Helogang di Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Renggam di sini, semalam.


Maszlee mengulas perseediaan kementerian bagi menghadapi musim banjir di Johor dan negeri lain yang dijangka berlarutan hingga Januari.

Hampir semua daerah di negeri ini mulai dilanda banjir sejak dua hari lalu mengakibatkan lebih 4,000 mangsa terpaksa dipindahkan ke 1,217 pusat pemindahan sementara.

Statistik banjir di Johor



BANJIR MTL 2019/2020	
Jumlah daerah terjejas :	9
Jumlah keluarga terjejas :	1,549
Jumlah mangsa terjejas :	5,592
Jumlah pusat pemindahan dibuka :	63
Jumlah pusat pemindahan ditutup :	1 (Kluang)



SEBUAH kereta penduduk Kampung Contoh di Kluang tidak dapat diselamatkan.